

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL II

**HADITH-HADITH MENGENAI
KEPIMPINAN & PEMERINTAHAN**

FEBRUARI 2017

MASA : 1 JAM

ARAHAN KEPADA PESERTA:

1. Jangan buka kertas soalan ini sehingga diberitahu.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.
3. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan sahaja dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.
4. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.

(Kertas soalan ini mengandungi 2 soalan dalam 3 halaman bercetak)

Arahan : Jawab SATU (1) soalan sahaja

Soalan Pertama

“Daripada Ma’qal bin Yassar al-Muzanni katanya: “Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda: “Tiadalah seorang hamba Allah, yang Dia berikan kepadanya rakyat [menjadikannya pemimpin], yang mati dalam keadaan menipu rakyatnya, melainkan Allah mengharamkan kepadanya syurga”

(Diriwayatkan oleh Muslim)

(1) Jelaskan latarbelakang perawi hadith di atas secara ringkas. (3 markah)

(2) Pilih terjemahan hadith di atas yang sesuai dengan teks asal di bawah; (6 markah)

(a) يَسْتَرْعِيهِ اللَّهُ رَعِيَّةً

(b) حَرَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَنَّةَ

(c) غَاشُّ لِرَعِيَّتِهِ

(3) Jelaskan dosa yang dilarang oleh Islam dalam hadith di atas?

(2 markah)

(4) Huraikan **tiga (3)** akibat kepemimpinan yang mengabaikan atau tidak menghayati tuntutan hadith di atas.

(6 markah)

(5) Bincangkan **dua (2)** contoh yang sesuai bagaimana Islam membolehkan pemimpin menyebarkan maklumat yang tidak benar bagi menjamin keselamatan dan keamanan rakyat.

(8 markah)

[25 Markah]

Soalan Kedua

'Aisyah r.a berkata : "Aku telah mendengar Rasulullah SAW bersabda di rumahku ini : "Ya Allah siapa yang menguasai sesuatu dari urusan umatku, lalu mempersukar mereka [dalam urusannya], maka persukarlah juga baginya. Dan siapa yang menguruskan umatku lalu berlemah- lembut terhadap mereka, maka permudahlah baginya."

(Diriwayatkan oleh Muslim)

(1) Huraikan secara ringkas biografi perawi hadith di atas. (3 markah)

(2) Berikan terjemahan kalimah-kalimah asal teks hadith;

(a) فَاشْفُقْ عَلَيْهِمْ

(b) فَارْفُقْ بِهِ

(c) مَنْ وَلِيَ أَمْرٍ مِنْ أُمَّتِي

(6 markah)

(3) Apakah kesalahan yang dipandang serius oleh Islam dalam doa Nabi SAW di atas?

(2 markah)

(4) Islam amat mementingkan penyampaian perkhidmatan yang efisien, telus dan profesional. Berdasarkan hadith di atas, jelaskan etika yang dianjurkan oleh Islam dalam urusan pemerintahan.

(4 markah)

(5) Jelaskan **dua (2)** faktor kewujudan gejala birokrasi dalam urusan kepimpinan.

(4 markah)

(6) Huraikan **tiga (3)** peranan agama dalam memupuk kepimpinan "berjiwa rakyat".

(6 markah)

[25 Markah]